

24 APR 2002

Agong-Pertabalan

PERTABALAN YANG DI-PERTUAN AGONG DIADAKAN PENUH ADAT ISTIADAT

Oleh: Hafizah Kamaruddin

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, 58, akan ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12 dalam acara penuh adat istiadat di Balairong Seri, Istana Negara pagi esok.

Mengikuti aturcara pentadbiran yang dikeluarkan oleh Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa Jabatan Perdana Menteri, tiupan nafiri dan paluan nobat lagu "Raja Berangkat" dari Kumpulan Nobat Istana Kedah akan mengiringi keberangkatan Seri Paduka dan Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid ke Balairong Seri.

Istiadat itu akan dihadiri oleh Raja-Raja Melayu, Yang Dipertua-Yang Dipertua Negeri, Perdana Menteri, Menteri-menteri kabinet, Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri, kerabat diraja Seri Paduka, wakil negara asing serta tetamu kehormat dari dalam dan luar negara.

Istiadat itu dijangka bermula pada pukul 10 pagi dan akan disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Aturcara istiadat akan bermula dengan barisan Diraja masuk ke Balairong Seri didahului oleh Datuk Maharaja Lela Datuk Zubir Ali dan panglima-panglima yang membawa Cogan Alam dan Cogan Agama.

Cogan Alam dan Cogan Agama, kedua-duanya tongkat perak yang merupakan sebahagian alat kebesaran Diraja yang menjadi lambang kebesaran Kerajaan Malaysia.

Mereka akan diiringi oleh para juruiring Seri Paduka dan panglima-panglima yang membawa alat-alat kebesaran Diraja.

Tuanku Syed Sirajuddin akan berpakaian rasmi Yang di-Pertuan Agong iaitu muskat (seperti kot hitam labuh) yang bersulam emas serta berseluar panjang bersulam di kaki dengan bertengkolok "Dendam Tak Sudah".

Seri Paduka juga akan memakai Pending Diraja, diperbuat daripada emas bertatahkan permata delima dengan lambang Kerajaan Persekutuan tertera di tengah-tengahnya bersama-sama tali bengkung yang diperbuat daripada kain sakhlat bertekak benang emas berbunga-bunga.

Sementara di pinggang Seri Paduka akan tersemat Keris Pendek Diraja yang hulunya diperbuat daripada mata keris lama dengan bersarung gading bertatahkan emas.

Tuanku Fauziah pula akan memakai perhiasan Raja Permaisuri Agong iaitu Gendik Diraja, pakaian ulu (kepala) dan Kalung Diraja, kedua-duanya diperbuat daripada emas putih bertatahkan berlian.

Seri Paduka berdua akan bersemayam di Singgahsana untuk istiadat pertabalan itu.

Istiadat akan dimulakan dengan membawa masuk naskhah al-Quran oleh Datuk Penghulu Istiadat Datuk Ishak Ahmad yang juga Datuk Pengelola Bijaya Diraja serta Keris Kerajaan, surat perisytiharan dan watakah ikrar oleh pegawai-pegawai Istana Negara yang diketuai oleh Datuk Maharaja Lela dengan iringan paluan nobat lagu "Menjunjung Duli".

Naskhah al Quran, lambang kemuliaan Islam agama rasmi negara, akan disembahkan kepada Seri Paduka oleh Datuk Paduka Maharaja Lela.

Seri Paduka akan mengucup dan meletakkannya di atas rehal di meja sebelah kiri baginda.

Ini akan diikuti dengan pembacaan surat perisytiharan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ditulis jawi di atas kulit kambing.

Datuk Paduka Maharaja Lela akan menyembahkan Keris Kerajaan atau Keris

Panjang Diraja, iaitu alat kebesaran negara yang utama, tanda kebesaran dan kekuasaan kepada Seri Paduka.

Seri Paduka kemudiannya akan menghunus, mengucup dan menyarungkan kembali keris itu sebelum meletakkannya di meja sebelah kiri Seri Paduka di hadapan nashkah al-Quran.

Ini akan diikuti dengan titah Seri Paduka melafazkan ikrar sebagai pemerintah utama negara.

Sebaik sahaja selesai warkah ikrar dibaca, nafiri akan ditiup dan lagu nobat "Raja Bertabal" akan dimainkan, dan akan diikuti dengan laungan "Daulat Tuanku" sebanyak tiga kali oleh Datuk Maharaja Lela yang diikuti oleh para hadirin.

Tembakan meriam 21 das dan lagu "Negaraku" yang dimainkan oleh Pancaragam Polis Diraja Malaysia menyusul selepas itu.

Dr Mahathir akan menyembah ucapan tahniah dan ikrar taat setia kerajaan dan rakyat Malaysia dan kemudiannya diikuti dengan Tuanku Syed Sirajuddin menyampaikan titah Diraja.

Selepas itu Pegawai Agama Istana Negara Datuk Abu Hassan Din akan membaca doa selamat.

Sebelum selesai majlis istiadat pertabalan, Datuk Maharaja Lela akan menerima balik nashkah al Quran daripada Seri Paduka dan akan mengisytiharkan istiadat itu telah disempurnakan dan diikuti dengan keberangkatan Seri Paduka berdua meninggalkan Balairong Seri.

Tiupan nafiri dan paluan nobat lagu "Raja Berangkat" akan mengiringi keberangkatan Seri Paduka berdua yang didahului oleh Datuk Maharaja Lela dan diikuti oleh Datuk Penghulu Istiadat membawa nashkah al-Quran, panglima-panglima yang membawa Cogan Alam dan Cogan Agama dan alat-alat kebesaran Diraja.

Tuanku Syed Sirajuddin dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12 oleh Raja-Raja Melayu pada mesyuarat khas Majlis Raja-Raja ke-191 pada 12 Dis lepas berikutan kemangkatan Almarhum Tuanku Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 21 Nov tahun lepas.

Istiadat lafaz sumpah jawatan Seri Paduka sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12 diadakan penuh istiadat di Istana Negara pada 13 Dis tahun lepas dan tempoh jawatan itu berkuatkuasa untuk tempoh lima tahun.

Kebiasaannya istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong tidak diadakan serentak dengan istiadat Lafaz Sumpah Jawatan. Ianya diadakan beberapa bulan atau satu jangka masa kemudian.

-- BERNAMA

HK MFJ RHM